

Tiap-tiap soalan diikuti oleh **tiga** jawapan pilihan **A, B, dan C** atau **empat** jawapan pilihan **A, B, C, dan D**. Antaranya, ada **satu** jawapan saja yang paling sesuai. Tulis jawapan itu.


### Soalan 1 hingga Soalan 20

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Kita hendaklah mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang memberikan

- \_\_\_\_\_.
- A** hadiah
  - B** faedah
  - C** hasil
  - D** rezeki

**Soalan 2** berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

2. Anggota polis itu \_\_\_\_\_ gerak-geri pemuda yang sedang mencuri sebuah motosikal.

- A** merenung
- B** melihat
- C** mengintip
- D** menonton

3. “Sampaikan salam \_\_\_\_\_ kepada keluarga di kampung,” kata ibu dan aku kepada Fairuz.

- A** kami
- B** kita
- C** mereka
- D** awak

Soalan 4 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

4. Datuk membakar sepuluh \_\_\_\_\_ lemang untuk cucu-cucunya.  
A bilah  
B kerat  
C batang  
D cucuk
5. Kampung itu terletak \_\_\_\_\_ di pedalaman.  
A dekat  
B jauh  
C dalam  
D luar
6. Ramli mencuci motosikalnya \_\_\_\_\_ menyanyi.  
A sambil  
B serta  
C dan  
D sebelum
7. Kita hanya memerlukan beberapa minit setiap hari \_\_\_\_\_ menjadikan gigi sihat.  
A untuk  
B dengan  
C sebagai

**Soalan 8** berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

8. Peminta sedekah itu \_\_\_\_\_ dan tidak bertenaga.
- A lampai
  - B tegap
  - C kurus
9. Keadaan jalan yang berlubang-lubang itu \_\_\_\_\_ pengguna jalan raya.
- A menghalang
  - B merosakkan
  - C membahayakan
  - D menggugat

**Soalan 10** berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

10. Wanita itu sedang \_\_\_\_\_ anaknya.
- A menggalas
  - B mengelek
  - C memimpin
  - D mendukung


**Soalan 11** berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

11. Air sejuk di dalam botol itu \_\_\_\_\_ oleh adik hingga habis.  
A dihirup  
B diteguk  
C ditelan
12. Penyusuan susu ibu digalakkan kerana susu ibu banyak \_\_\_\_\_ khasiat.  
A mengandungi  
B menghasilkan  
C memproses  
D memberikan
13. Barang-barang yang dijual di pasar raya itu \_\_\_\_\_ mahal.  
A demikian  
B bukan  
C agak  
D sekali
14. Gangguan bekalan air akan berlaku di beberapa daerah di Selangor. \_\_\_\_\_, penduduk di kawasan yang terabit diingatkan agar berjimat menggunakan air.  
A Sungguhpun begitu  
B Lebih-lebih lagi  
C Sehubungan dengan itu
15. Sabrina hanya menggeleng-gelengkan kepala \_\_\_\_\_ guru disiplin menanyakan masalahnya.  
A sambil  
B sementara  
C apabila  
D sebaliknya

Soalan 16 berdasarkan Gambar 6



Gambar 6

16. \_\_\_\_\_ merupakan hidupan yang mempunyai rupa yang agak pelik.
- A Ikan paus
  - B Kuda laut
  - C Siput sungai
  - D Burung hantu
17. Kami sekeluarga \_\_\_\_\_ datuk di Stesen Keretapi Kuala Lumpur.
- A dijemput
  - B jempunan
  - C menjemput

Soalan 18 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

18. Petir \_\_\_\_\_ ketika hujan lebat.
- A sambar-menyambar
  - B bersilang-silang
  - C pukul-memukul
  - D berbedil-bedilan

19. Pelajar yang berfikiran \_\_\_\_\_ akan dapat memahami pelajaran dengan lebih cepat.
- A banyak
  - B tajam
  - C tinggi
- 20 . Encik Jaafar menjadi \_\_\_\_\_ dalam menjayakan projek membantu mangsa-mangsa banjir itu.
- A paku belanda
  - B senapang bambu
  - C rambang mata
  - D tulang belakang
21. Jehan belajar bersungguh-sungguh kerana desakan ingin mengubah nasib keluarganya yang miskin.  
**Kata seerti** bagi desakan ialah...
- A harapan.
  - B paksaan.
  - C dorongan.
22. Inspektor Hisyam dan beberapa anggotanya berjaya membongkar kegiatan penyeludupan dadah itu.  
**Kata berlawan** bagi membongkar ialah...
- A mengorek.
  - B mengesan.
  - C membebaskan.
  - D menyembunyikan.
23. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang bergaris** dengan betul.
- I Apabila meradang lelaki itu melemparkan apa-apa saja yang tercapai olehnya.
  - II Jangan sekali-kali melemparkan tuduhan kepada orang lain tanpa bukti yang kukuh.
  - III Gadis manis itu melemparkan senyumannya kepada Haikal.
  - IV Fuad melemparkan rasa sesalnya atas kesalahan yang dilakukannya.
- A I dan II
  - B I, II, dan III
  - C II, III, dan IV
  - D I, II, III, dan IV

24. Mengapakah murid-murid itu berdiri di atas kerusi?  
Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di atas.
- A Memang itulah denda yang paling wajar.
  - B Murid-murid nakal suka berbuat demikian.
  - C Mereka didenda kerana berbuat bising.
  - D Mereka seharusnya tidak melakukan kesalahan.
25. Fatin menyertai perkhemahan itu kerana hendak menimba pengalaman.  
Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di atas.
- A Apakah kelebihan menyertai perkhemahan itu?
  - B Mengapakah Fatin ingin menyertai perkhemahan itu?
  - C Bagaimanakah Fatin mendapat pengalaman?
  - D Mengapakah Fatin ingin menimba pengalaman?

**Soalan 26 hingga Soalan 27**

Pilih ayat yang **sama maksudnya** dengan ayat yang diberikan.

26. “Hadi, tolong beli ikan bilis di kedai Pak Harun,” kata Puan Hasnah kepada anaknya.
- A Puan Hasnah meminta anaknya membeli ikan bilis di kedai Pak Harun bersama Hadi.
  - B Puan Hasnah meminta anaknya, Hadi ke kedai Pak Harun untuk membeli ikan bilis.
  - C Puan Hasnah meminta Hadi dan anaknya membeli ikan bilis di kedai Pak Harun.
  - D Puan Hasnah meminta Pak Harun membeli ikan bilis di kedai Hadi.
27. “Betulkah komputer ini masih elok, Ken? Saya kurang yakin,” kata Husni.
- A Husni meyakinkan Ken bahawa komputer ini sudah tidak elok.
  - B Husni menyuruh Ken meyakinkannya bahawa komputer itu masih elok.
  - C Husni bertanya kepada Ken sama ada komputer itu masih elok kerana dia ragu-ragu.
  - D Oleh sebab kurang yakin akan penjelasan Ken itu, Husni ingin membetulkan komputer yang rosak itu.

### Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih ayat yang betul.

28. I Meja yang berat itu mereka angkut bersama-sama naik ke lori.  
II Jamilah diam saja oleh sebab dia sakit gigi.  
III Adik sayang benar akan patung beruang pemberian kakak itu.  
IV Majlis berinai itu berjalan dengan lancar sekali.
- A III  
B II dan IV  
C I, II, dan IV  
D II, III, dan IV
29. I Seelok-eloknya, basuhlah kaki dahulu sebelum tidur.  
II Abu tidak termakan goreng mi yang pedas itu.  
III Air matanya menitis membasahkan pipinya yang gebu itu.  
IV Borang penyertaan pertandingan itu sudah habis.
- A I dan III  
B I dan IV  
C II dan III  
D I, II, dan IV
30. I Berkayak baik untuk kesihatan badan.  
II Mereka sedang membantu Pak Abu di kedainya.  
III Dia bermurung sehingga semalam.  
IV Kami bukan mempercayai akan kata-katanya.
- A I dan II  
B II dan III  
C II dan IV  
D II, III, dan IV



### Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pak Karim: Kamu tahu tak sudah pukul berapa sekarang?  
Budin: Maaf, pak cik. Sebenarnya, tadi Budin ke rumah kawan.  
Pak Karim: Bukankah kamu beritahu pak cik yang kamu mahu ke sekolah berlatih sukan? Mengapa kamu ke rumah kawan pula?  
Budin: Memang Budin ke sekolah tadi. Semasa kami mengadakan latihan bola sepak, seorang kawan Budin terseliuh kaki. Budin dengan Zainal menghantarnya ke rumah.  
Pak Karim: Kamu bercakap benar?  
Budin: Budin tidak bohong, pak cik.  
Pak Karim: Baiklah. Kalau kelewatan kamu tadi ada sebabnya, pak cik tak marah. Pak cik cuma bimbang jika kamu bergaul dengan budak-budak nakal.  
Budin: Tidak, pak cik.  
Pak Karim: Baguslah. Walaupun kamu anak saudara pak cik, tetapi pak cik anggap kamu seperti anak pak cik sendiri.  
Budin: Budin tahu, pak cik. Sejak ayah dan ibu Budin meninggal dunia, pak ciklah yang menjaga Budin. Pak cik dan mak cik umpama ibu bapa Budin sekarang.  
Pak Karim: Pergilah kamu mandi dulu. Nanti kita makan bersama-sama.  
Budin: Baiklah, pak cik.

31. Mengapakah Pak Karim memarahi Budin?
- A Budin tidak ke sekolah.
  - B Budin pulang lewat daripada berlatih sukan.
  - C Budin bukan anaknya yang sebenar.
32. Apakah yang menyebabkan Budin lewat pulang?
- A Latihan sukan diadakan agak lewat.
  - B Kawannya cedera ketika berlatih.
  - C Dia menghantar kawannya yang terseliuh kaki ke rumahnya.
  - D Dia tercedera ketika berlatih sukan.
33. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang dialog tadi.
- A Pak Karim tidak menyayangi Budin.
  - B Budin anak angkat Pak Karim.
  - C Budin anak yatim piatu.
  - D Budin menyayangi Pak Karim.

34. Mengapakah Budin tinggal bersama-sama dengan Pak Karim?
- A kerana Pak Karim bapa saudaranya
  - B kerana dia menyayangi Pak Karim seperti bapanya
  - C kerana Pak Karim tidak mempunyai anak
  - D kerana ayah dan ibunya telah meninggal dunia
35. Sikap Pak Karim menunjukkan bahawa beliau seorang yang...
- A pemarah.
  - B garang.
  - C bengis.
  - D bertanggungjawab.

### Soalan 36 hingga Soalan 40

*Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Bermula sebagai ramuan ubatan herba, teh cina berkembang menjadi minuman harian. Teh ini diimport dari negara China dan Taiwan kerana baka yang terbaik dihasilkan di kedua-dua buah negara tersebut. Oleh sebab itulah, harga teh cina agak mahal.

Mengimbuai kembali sejarah penemuan teh cina, 5 000 tahun dahulu seorang lelaki di negara China, iaitu Luyue mencari herba di kawasan pergunungan. Ketika mencari daun-daun kayu untuk dijadikan ubat, Luyue tertarik oleh sejenis daun yang begitu asing baginya. Luyue membawa daun tersebut pulang ke rumahnya untuk diproses. Selepas daun itu direnehkan, Luyue mendapati bahawa daun tersebut dapat dijadikan penawar kepada pesakit yang terkena racun.

Proses membuat teh cina pula dilakukan pada musim bunga atau musim luruh. Pucuk teh yang segar dipilih dan dipetik sebelum dikeringkan di bawah sinar matahari. Ada juga teh cina yang dikeringkan lebih daripada sepuluh tahun. Mengikut kepercayaan masyarakat Cina, semakin lama teh dikeringkan, semakin cantik warnanya. Baunya pula lebih wangi. Oleh sebab itu, tidak hairanlah jika harganya agak mahal. Teh ini dikenal sebagai "phu err".

Hari ini terdapat beberapa jenis teh cina yang dikomersilkan. Antaranya ialah teh hijau, teh hitam, teh merah, dan teh bunga atau teh putih. Teh-teh ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri dengan rasa yang berbeza-beza.

Teh cina ini sangat popular dalam kalangan masyarakat Cina kerana dikatakan banyak mempunyai khasiat, malah rasanya enak dan tidak pahit. Khasiat inilah yang menyebabkan masyarakat Cina juga percaya bahawa minuman ini dapat membawa tuah dan kesejahteraan kepada para penggemarnya. Atas kepercayaan inilah, teh cina *dimartabatkan* sebagai minuman rasmi dalam upacara perkahwinan masyarakat Cina. Teh itu dihidangkan oleh pasangan pengantin tersebut kepada ibu bapa pengantin dan ahli keluarga yang lain sebagai tanda menghormati orang yang lebih tua.

Kini, teh cina bukan saja menjadi minuman tradisi kaum Cina bahkan digemari oleh pelbagai lapisan masyarakat di seluruh dunia juga.

36. Mengapakah harga teh cina lebih mahal daripada teh-teh yang lain?  
A kerana teh ini diimport dari negara China dan Taiwan.  
B kerana rasanya lebih enak dan tidak pahit.  
C kerana proses membuatnya dilakukan pada musim bunga atau musim luruh.  
D kerana teh ini banyak mempunyai khasiat.
37. Luyue dalam petikan ini mungkin sekali seorang...  
A tabib. C peniaga.  
B pengembara. D petani.
38. Apakah keistimewaan teh cina yang dikeringkan dalam jangka masa yang lama?  
A khasiatnya akan bertambah banyak  
B rasanya akan berubah menjadi lebih pahit  
C dapat menyembuhkan pelbagai jenis penyakit  
D warnanya cantik dan baunya lebih wangi
39. Kata *dimartabatkan* dalam petikan ini bermaksud...  
A dimuliakan peranannya.  
B ditambahkan tugasnya.  
C dikagumi kelebihannya.
40. Semua pernyataan yang berikut **benar** tentang teh cina, **kecuali**...  
A hanya sejenis teh cina yang dikomersilkan.  
B teh cina digemari oleh pelbagai lapisan masyarakat.  
C teh yang dikeringkan selama sepuluh tahun dikenal sebagai "phu err".  
D teh ini menjadi minuman tradisi masyarakat Cina.

### SOALAN TAMAT

